

→ PENDIDIKAN

Isu gender perlu diberi tumpuan

[FOTO KHAIRUL AZHAR AHMAD/BH]



Kepentingan memahami isu gender dapat mengelakkan kekeliruan dan salah faham terhadap perbezaan antara definisi jantina dengan gender yang wujud dalam hubungan sosial lelaki dan wanita”

Wan Munirah Wan Jaafar,
Ketua Penyelidik, Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan, Fakulti Ekologi Manusia, UPM

Peserta mengemukakan hujah pada Pertandingan Debat Perdana Diraja Gender 2016 di UIAM Gombak, semalam.

→ Pertandingan Debat Perdana Diraja Gender ruang penuntut IPT ketengah pendapat, tingkat kefahaman masyarakat

Info

Debat Perdana Diraja Gender

→ Bermula pada 18 sehingga 21 November (peringkat suku akhir dan separuh akhir pada 20 November dan pertandingan akhir pada 21 November ini)

→ **Kategori bahasa Melayu** membabitkan 56 pasukan, manakala kategori bahasa Inggeris membabitkan 52 pasukan

→ **Hadiah setiap kategori:**

→ **Juara** – Wang tunai RM3,500, piala pusingan, trofi dan sijil

→ **Naib juara** – Wang tunai RM 2,500, trofi dan sijil

→ **Ketiga** – Wang tunai RM2,000, trofi dan sijil

→ **Keempat** – Wang tunai RM1,500, trofi dan sijil

Oleh Sarah Aina Shawal
sarah.aina@bh.com.my

■ Gombak

Kesedaran mengenai isu gender perlu dipertingkatkan supaya semua pihak dapat memainkan peranan dalam membentuk persekitaran yang sihat dan kondusif dalam kehidupan masyarakat hari ini.

Ketua Penyelidik, Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Wan Munirah Wan Jaafar, berkata kesedaran mengenai isu itu di negara ini masih pada tahap sederhana berikutan kurangnya pendidikan dan pendedahan khususnya dalam kalangan masyarakat di luar bandar.

Beliau berkata, kepentingan memahami isu gender dapat mengelakkan kekeliruan dan salah faham terhadap perbezaan antara definisi jantina dengan gender yang wujud dalam hubungan sosial lelaki dan wanita.

Kenali identiti diri

“Dari sudut sosiologi, interaksi sesama manusia jelas menunjukkan perkataan jantina dan gender perlu

difahami terlebih dahulu supaya setiap individu dapat mendalami identiti diri.

“Jantina adalah anatomi fizikal yang membezakan wanita dan lelaki, manakala gender adalah pengalaman sosial yang membentuk diri seseorang itu dan boleh diajar atau dipelajari secara formal mahupun tidak selain dipengaruhi budaya persekitaran,” katanya ketika menyampaikan Ceramah Kesedaran Gender di Ahmad Ibrahim Kulliyah Of Law, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Institut Pengupayaan Wanita Bagi Anggota Pergerakan Negara Berkecuali (NIEW), Normalia Ibrahim dan Setiausaha Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM), Dr Mazlena Mohamad Hussain.

Ceramah terbabit diadakan sempena Pertandingan Debat Perdana Diraja Gender (*The Great Royal Gender Debate*) 2016 anjuran bersama NIEW, Kementerian Pendidikan Tinggi, MADUM dan UIAM sebagai tuan rumah.

Pertandingan kali keenam itu dibahagikan kepada dua kategori iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris membabitkan kira-kira 108 pasukan daripada 34 institusi pengajian tinggi

(IPT) dari dalam dan luar negara.

Sementara itu, Mazlena berkata, pertandingan debat berkenaan untuk mendedahkan belia terhadap isu gender tempatan dan antarabangsa, selain diharap dapat meningkatkan kesedaran masyarakat serta mengangkat agenda gender ke peringkat perbincangan yang lebih luas.

Tingkat kefahaman

“Pertandingan ini adalah saluran untuk penuntut IPT mengemukakan pendapat, bertukar idea, berhujah dan berbincang secara intelektual, selain meningkatkan kefahaman mereka dalam topik sesuatu isu yang dibentangkan.

“Selain itu, idea yang ketengahkan peserta ketika pertandingan ini juga diharap dapat jadi asas pertimbangan dalam perancangan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) dalam merancang serta melaksanakan dasar berkaitan gender di negara ini,” katanya.

Pertandingan Debat Perdana Diraja Gender 2016 dianjurkan berdasarkan format debat ala ‘British Parliamentary’ dengan menawarkan hadiah utama wang tunai bernilai RM3,500 dan piala pusingan bagi johan setiap kategori.